

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Rabu, 18 Disember 2024**



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

AKAUN SATELIT PELANCONGAN WILAYAH SABAH 2023

**Industri pelancongan Sabah berkembang 3.0 peratus pada tahun 2023,
menyumbang 11.7 peratus kepada ekonomi negeri**

PUTRAJAYA, 18 DISEMBER 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **AKAUN SATELIT PELANCONGAN WILAYAH (ASPW) SABAH 2023**. ASPW Sabah menyediakan indikator dan statistik yang komprehensif berkaitan dengan pelancongan dalam satu penerbitan serta merupakan satu kerangka untuk mengukur prestasi industri pelancongan dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP) Sabah merekodkan RM13.1 bilion, berkembang sebanyak 3.0 peratus. Justeru, sektor pelancongan Sabah menyumbang 11.7 peratus kepada ekonomi negeri pada tahun 2023. Prestasi industri pelancongan Sabah yang memberangsangkan ini disokong oleh aktiviti Perdagangan runcit (sumbangan: 43.9%) dan Perkhidmatan penginapan dan penyediaan makanan & minuman (sumbangan: 30.2%). Dari segi pertumbuhan, Perdagangan runcit mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.2 peratus dan Perkhidmatan penginapan, Makanan & minuman berkembang sebanyak 2.7 peratus. Selain itu, Agensi pengembaraan, & penempahan lain, perkhidmatan kebudayaan, sukan & rekreasi dan perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara (sumbangan: 16.2%); dan Perkhidmatan pengangkutan penumpang serta jualan runcit bahan api kenderaan

(sumbangan: 9.7%) turut mencatatkan pertumbuhan masing-masing sebanyak 4.4 peratus dan 6.1 peratus pada tahun 2023.

Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Penggunaan pelancongan *internal* di Sabah berjumlah RM8.2 bilion, disokong oleh perbelanjaan pelancongan *inbound* pada tahun 2023. Perbelanjaan pelancongan *inbound* menyumbang 50.9 peratus (2022: 45.5%) kepada penggunaan pelancongan *internal*, selaras dengan pemulihan semula aktiviti pelancongan secara global pada tahun 2023 selepas pandemik COVID-19. Namun begitu, sumbangan perbelanjaan pelancongan domestik menurun kepada 49.1 peratus pada tahun 2023 berbanding 54.5 peratus daripada penggunaan pelancongan *internal* di Sabah”.

Beliau menambah, “Perbelanjaan pelancongan *inbound* di Sabah berjumlah RM4.2 bilion (2022: RM2.7 bilion), meningkat sebanyak 57.5 peratus pada tahun 2023. Lebih daripada 80 peratus perbelanjaan pelancongan *inbound* di Sabah disumbangkan oleh pelawat dari Semenanjung Malaysia (sumbangan: 51.7%) dan pelancong antarabangsa (sumbangan: 37.0%). Komponen utama perbelanjaan pelancongan *inbound* adalah daripada Perkhidmatan penginapan dan makanan & minuman (sumbangan: 30.5%) serta Perkhidmatan pengangkutan dan jualan runcit bahan api kenderaan (sumbangan: 28.3%)”.

Sementara itu, perbelanjaan pelancongan domestik di Sabah mencatatkan RM4.0 bilion (2022: RM3.2 bilion) dan berkembang sebanyak 26.7 peratus pada tahun 2023. Pertumbuhan ini didorong oleh aktiviti Membeli-belah dengan sumbangan sebanyak 47.4 peratus serta Perkhidmatan penginapan dan makanan & minuman dengan sumbangan sebanyak 34.5 peratus.

Industri pelancongan di Sabah telah menyediakan pekerjaan kepada 362.7 ribu orang dengan pertumbuhan sebanyak 7.1 peratus. Oleh itu, guna tenaga dalam industri pelancongan Sabah menyumbang 22.4 peratus kepada jumlah keseluruhan guna tenaga di Sabah. Sektor Perdagangan runcit (sumbangan: 43.9%) serta Perkhidmatan penginapan dan makanan & minuman (sumbangan: 42.1%) merupakan penyumbang utama guna tenaga dalam industri pelancongan Sabah, dengan jumlah keseluruhan sumbangan sebanyak 86.0 peratus pada tahun 2023.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

18 DISEMBER 2024

Paparan 1: Prestasi Industri Pelancongan, Sabah 2022-2023




Paparan 2: Penggunaan Pelancongan *Internal*, Sabah 2022-2023




Paparan 3: Perbelanjaan Pelancongan *Inbound*, Sabah 2022-2023



Paparan 4: Perbelanjaan Pelancongan Domestik, Sabah 2022-2023



Paparan 5: Guna Tenaga Industri Pelancongan, Sabah 2022-2023



Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 18 December 2024**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

REGIONAL TOURISM SATELLITE ACCOUNT SABAH 2023

***Sabah's tourism industry grew at 3.0 per cent in 2023, contributing
11.7 per cent to state's economy***

PUTRAJAYA, 18 DECEMBER 2024 - Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released statistics on **REGIONAL TOURISM SATELLITE ACCOUNT (RTSA) SABAH 2023**. RTSA Sabah provides comprehensive indicators and statistics related to tourism in a single publication and serves as a framework to measure the performance of the tourism industry and its contribution to Sabah's Gross Domestic Product (GDP).

The Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, stated, "The Gross Value Added of Tourism Industries (GVATI) in Sabah recorded RM13.1 billion, grew at 3.0 per cent. Hence, Sabah's tourism contributed 11.7 per cent to the state's economy in 2023. The favourable performance of Sabah's tourism industry was supported by Retail trade activity (share: 43.9%) and Accommodation, food & beverage serving services (share: 30.2%). In terms of growth, Retail trade posted a growth of 2.2 per cent and Accommodation, food & beverage serving services grew at 2.7 per cent. Furthermore, Travel agencies, culture, sports & recreational and other tourism services (share: 16.2%); and Passenger transport services and retail sale of automotive fuel (share: 9.7%) was also further expanded 4.4 per cent and 6.1 percent respectively in 2023.

The Chief Statistician of Malaysia said, "The internal tourism consumption in Sabah amounted to RM8.2 billion, was supported by inbound tourism expenditure in 2023. The inbound tourism expenditure contributed 50.9 per cent (2022: 45.5%) to the internal tourism consumption, in line with a significant resurgence of tourism activities globally in 2023 after the pandemic COVID-19. Nevertheless, the contribution of domestic tourism expenditure reduced to 49.1 per cent in 2023 compared to 54.5 per cent of internal tourism consumption in Sabah".

He added, "Inbound tourism expenditure in Sabah amounted to RM4.2 billion (2022: RM2.7 billion), an increase of 57.5 per cent in 2023. More than 80 percent of Inbound tourism expenditure in Sabah was supported by visitors from Peninsular Malaysia (share: 51.7%) and international tourists (share: 37.0%). The main component of inbound tourism expenditure was attributed to Accommodation and food & beverage serving services (share: 30.5%); and Transport services & retail sale of automotive fuel (share: 28.3%)".

Meanwhile domestic tourism expenditure in Sabah posted RM4.0 billion (2022: RM3.2 billion) and grew at 26.7 per cent in 2023. The growth was spurred by Shopping activities with a share of 47.4 per cent and Accommodation and food & beverage serving services with a contribution of 34.5 per cent.

The tourism industry in Sabah has provided employment to 362.7 thousand persons, with a growth of 7.1 per cent. Hence, employment in Sabah's tourism industry has contributed 22.4 per cent to the overall employment in Sabah. The Retail trade (share: 43.9%) and Accommodation and food & beverage serving services (share: 42.1%) were the main contributors to employment in Sabah's tourism industry with a combination share of 86.0 per cent in 2023.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

18 DECEMBER 2024

Exhibit 1: Tourism Industry Performance, Sabah 2022-2023




Exhibit 2: Internal Tourism Consumption, Sabah 2022-2023




Exhibit 3: Inbound Tourism Expenditure, Sabah 2022-2023




Exhibit 4: Domestic Tourism Expenditure, Sabah 2022-2023




Exhibit 5: Employment in the Tourism Industry, Sabah 2022-2023

